


**PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN**

MAZENAH BT. FIEI

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
SESI 1981 / 82**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

oleh

MAZENAH BT. PIEI

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi 1981/82.

PENYELIA

2/11/82
TARIKH

KETUA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

2 HB MAC 1982

TARIKH

PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

Oleh

MAZENAH BT. PIEI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN
DI JABATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1981/82

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan satu latihan ilmiah untuk dikemukakan kepada Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian. Saya menyatakan rasa kesyukuran keatas hadrat Allah S.W.T, kerana dengan hidayah dan keredhaanNya jua, Latihan Ilmiah ini dapat diselesaikan.

Semasa menyelesaikan kajian ini, saya bernasib baik mendapat Dr. Ismail Bin Hamid yang sudi menjadi penyelia, di mana segala panduan, tunjuk ajar serta kritikkannya adalah diberi setinggi penghargaan.

Rasa terima kasih dan penghargaan juga saya rakamkan untuk individu yang sudi menjadi informan yang telah banyak memberi maklumat tentang kajian ini. Mereka ialah Encik Mohd. Nor Bin Pilus, Encik Ahmad Bin Taib, Encik Abdul Rauf Bin Nahu, Encik Abdul Ghani Bin Shamarudin, Encik Osman Bin Baginda dan Encik Mohd. Nor Bin Abdul Hamid, Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Saya juga merakamkan rasa penghargaan yang sama terhadap kaki tangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang turut menyumbangkan bantuan, terutama Puan Norbiha Binti Ibrahim dan kaki tangan Pasantikhonun Sri Lanang.

Akhir sekali tidak saya lupakan kepada keluarga saya dan juga Mohd. Zen Bin Mohd. Zin yang banyak memberi bantuan. Begitu juga kepada pihak-pihak lain yang memberikan pertolongan dan dorongan dalam menyelenggarakan kajian ini.

Sebarang kekurangan dan kesilapan walau bagaimanapun adalah tanggung jawab saya sendiri.

Mazenah Bt. Piei,

Jabatan Persuratan Melayu,

UKM, Bangi.

KANDUNGAN

	<u>HALAMAN</u>
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii
BAB I : <u>PENGENALAN</u>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Objektif dan Skop Kajian	4
1.3 Metod Kajian	6
1.4 Latar Belakang Tempat Kajian	7
1.4.1 Daerah Kajian	7
1.4.2 Kawasan Kajian	10
1.4.3 Latar Belakang Masyarakat	10
1.4.4 Sistem Politik Tradisional	14
1.5 Konsep Peranan Dan Kedudukan	18
1.6 Masalah Kajian	23
BAB II : PERANAN KETUA ADAT DALAM ISTADAT PERKAHWINAN	
2.1 Pemilihan Jodoh	27
2.1.1 Corek Penjodohan Dan Sistem ... Perkahwinan	27
2.1.2 Larangan Perkahwinan	30
2.2 Pertunangan	41
2.2.1 Meminang	42
2.2.2 Mengembang Cincin	44

HALAMAN

2.3 Perkahwinan	45
2.3.1 Berkampung	46
2.3.2 Kenduri Kahwin	48
2.3.3 Istiadat Menyembah	52
2.3.4 Nikah Kahwin Aturan Tidak Lazim	52

BAB III : PERANAN KETUA ADAT DALAM PEMBAGIAHAN HARTA

PUSAKA

3.1 Jenis-jenis Harta dan Sistem	47
Pengwarisannya	57
3.2 Penjualan Harta Pusaka	66
3.3 Berkedim	70

BAB IV : PERANAN KETUA ADAT DALAM PERLANTIKAN KETUA ADAT

4.1 Perlantikan Buapak	77
4.2 Perlantikan Lembaga	78
4.3 Perlantikan Penghulu dan Undang	83
4.4 Perlantikan Yang DiPertuan Besar	97

BAB V : KESIMPULAN

5.1 Peranan Ketua Adat	107
5.2 Corak Politik Adat Perpatih	110
5.3 Penilaian Dari Segi Pandangan Islam Terhadap Beberapa Hal Yang Dipraktikan Dalam Masyarakat Di sini	113

HALAMAN

5.4 Penutup	118
-------------------	-----

LAMPIRAN:

1) Senarai Nama Informan	120
11) Lapuran Perkahwinan Searis Suku ...	
Sri Lemak Minangkabau	122

SENARAI RUJUKAN:	123
------------------------	-----

BAB I

BAB I

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan.

Struktur masyarakat di Negeri Sembilan memang diketahui umum tentang keunikannya. Keunikan ini dapat dilihat terutama dari segi peraturan hidup yang berdasarkan Adat Perpatih yang berasal dari daerah Minangkabau. Beberapa aspek kehidupan yang dilalui oleh masyarakat ini agak berbeza dari cara hidup atau struktur masyarakat di negeri-negeri lain dalam Malaysia ini. Lantaran keunikannya itu maka ramai individu-individu yang berminat untuk mengkaji masyarakat ini dari berbagai aspek. Individu yang dimaksudkan termasuklah para pengkaji masyarakat; ahli antropologi dan sosiologi, ahli sejarah, dan para orientalis. Selain dari itu tidak kurang juga para mahasiswa serta penulis-penulis tempatan yang cuba menulis tentang aspek-aspek yang mereka fikirkan perlu.

Amalan cara hidup berdasarkan Adat Perpatih ini telah lama bertapak kukuh dalam masyarakat di Negeri Sembilan dan sebahagian di daerah Melaka Utara iaitu Nanning. Kekalnya adat ini adalah bergantung kepada kuatnya pegangan masyarakat terhadap sistem hidup yang sedemikian rupa. Pada masyarakat Adat Perpatih, adat adalah peraturan hidup di dunia. Peraturan-peraturan ini dibahagikan kepada dua, iaitu yang fundamental (yang asasi) dan yang bukan fundamental.

Peraturan yang boleh menerima dan berubah ialah peraturan-peraturan yang bukan fundamental. Contoh-contoh peraturan jenis ini ialah upacara nikah kahwin; dahulu pakai baju Melayu, sekarang pakai kot dan tali leher, kelaziman dahulu menumbuk padi dengan lesung; sekarang pakai mesin. Begitu juga dari segi sikap kalau dahulu anak perempuan hanya di dapur, sekarang mereka bekerja di pejabat, di kilang-kilang perusahaan¹ dan lain-lain lagi. Dalam perbilangan Adat ada menyebutkan:

Ibu adat adalah muafakat
 Usang-usang diperbaharui
 Yang lapuk disokong
 Yang elok dipakai
 Yang buruk dibuang
 Melihat contoh pada yang lampau
 Melihat tuah pada yang menang
 Yang senteng dilabuhkan
 Yang panjang dikerat
 Yang rumpang disisit.

Kata perbilangan di atas menunjukkan bahawa setiap peraturan yang dibuat dalam kata adatnya boleh diperbaharui dan diubah menurut keadaan waktu dan masanya. Ini dikuatkan lagi dengan perbilangan yang menyebut:

Sekali air bah, sekali pasir berubah
 Sekali raja mangkat, sekali adat beralih
 Sekali tahun beredar, sekali musim bertukar.

Dari kata perbilangan yang tersebut nyatalah bahawa Adat Perpatih itu bukanlah sebagai satu benda yang kaku-beku atau tidak boleh

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur: Utusan Malaysia (M) Berhad, 1976, hal. 3.

diubah dan dirobah. Namun begitu ada beberapa dasar Adat yang tidak langsung boleh disentuh, seperti sistem bersuku, sistem susur-galur dari ibu dan sistem tanah pusaka. Dasar ini harus dikekalkan. Kalau diubah, Adat itu akan punah seperti ramalan perbilangan; 'diinjak layu dicabut mati!'.²

Dasar Adat yang tidak boleh diubah itulah yang dinamakan peraturan yang fundamental. Ia diamalkan turun temurun;

Dari nenek turun kemamak
 Dari mamak kekemanakan
 Patah tumbuh hilang berganti
 Pusaka begitu jua.

Demi mencapai kalangsungannya, Adat yang begitu rupa dipelihara dan dipertahankan. Golongan yang bertanggung jawab dalam hal ini utamanya ialah golongan Pemimpin adat atau Ketua Adat. Kepada Ketua Adatlah dirujuk sebarang masalah yang timbul dalam sesuatu peraturan yang dilalui oleh anak buahnya. Konsep 'biar mati anak, jangan mati adat' adalah menunjukkan keadilan dalam menjalankan tugas oleh Ketua Adat. Jika terdapat pelanggaran atas dasar Adat yang fundamental tadi, maka tindakan akan diambil, iaitu berdasarkan cara muafakat dan muktamad. Jelasnya, setiap orang yang melanggar hukum Adat maka ia semestinya menerima hukum yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya walaupun menerima hukuman bunuh, dan yang melakukan kesalahan itu

² Abdul Samad Idris, "Kemurnian Dalam Adat Perpatih", Kertas kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10 - 12 hb. April, 1974.

meskipun anaknya sendiri. Dari sinilah pepatah ini diciptakan sebagai panduan Ketua Adat dalam menjalankan pemerintahannya.

1.2. Objektif dan Skop Kajian.

Objektif Kajian.

Demi melihatkan amalan Adat Perpatih yang begitu lama berlangsung, timbul minat penulis untuk mengkaji sejauhmanakah peranan yang dimainkan oleh Ketua Adat dalam memelihara hukum-hukum Adat Perpatih itu. Ini menjadi objektif utama penulis dalam membuat kajian ini.

Di samping itu penulis juga ingin melihatkan sistem pemerintahan tradisional di Negeri Sembilan. Adakah benar apa yang dikatakan bahawa sistem politik di Negeri Sembilan ini bercorak demokrasi? Ini akan dibuat penilaian sejauhmana pemerintahan demokrasi ini dijalankan.

Dengan usaha ini juga penulis mengharapkan akan dapat menjadikan kajian ini sebagai sumber bahan rujukan terhadap masyarakat Adat Perpatih ini. Bagaimana perjalanan pentadbiran adat itu sebenarnya dijalankan dan bagaimana sikap pemimpin-pemimpin Adat itu terhadap hukum-hukum Adat yang dijaga. Diharapkan keterangan ini akan menjelaskan lagi gambaran masyarakat Adat Perpatih ini pada pandangan masyarakat umum.

Skop kajian.

Kajian dibuat dalam dua daerah, iaitu Kuala Pilah dan Jelebu. Beberapa mukim dipilih untuk tumpuan kajian; di daerah Kuala Pilah, tumpuan adalah di mukim Seri Menanti. Sementara di daerah Jelebu kajian hanya ditumpukan kepada Mukim Kuala Klawang iaitu tempat kediaman Undang Jelebu (di Balai Undang). Namun begitu dalam mendapatkan keterangan tentang Datuk Undang dan hal yang berhubungan dengannya tidak semestinya disekitar Kuala Klawang sahaja.

Daerah Jelebu dipilih sebagai kawasan sampel kajian tentang Datuk Undang yang wujud di empat luak dalam Negeri Sembilan, iaitu Jelebu, Rembau, Sungai Ujung dan Johol. Sementara di daerah Kuala Pilah, penulis akan memumpukan kajian terhadap Ketua Adat yang lain iaitu Buapak, Lembaga, Penghulu dan Yamtuan Besar.

Dalam struktur penulisan, kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama merupakan pengenalan terhadap pembicaraan seterusnya, iaitu menyentuh tentang latar belakang tempat kajian dan muraian tentang konsep peranan dan kedudukan. Dalam membicarakan latar belakang tempat kajian, aspek yang akan disentuh ialah:

- 1) Daerah dan kawasan kajian.
- 2) Latar belakang masyarakat.
- 3) Sistem politik tradisional.

Bab kedua pembicaraan menyentuh tentang peranan Ketua Adat itu dalam istiadat perkahwinan. Bermula dari pemilihan jodoh kemudian ber-

tunang dan seterusnya majlis perkahwinan.

Bab ketiga membicarakan peranan Ketua Adat dalam soal pembahagian harta. Dalam soal ini peranan Ketua Adat penting kerana sering kali terjadi kekecohan di kalangan masyarakat di sini kerana pembahagian harta terutama harta pusaka.

Bab keempat dijelaskan pula peranan Ketua Adat dalam perlantikan pemimpin atau ketua-ketua Adat itu sendiri. Iaitu bagaimana peranan Ketua Adat, misalnya Buapak dalam perlantikan Lembaga dan begitu pula seterusnya dalam perlantikan Undang. Perlantikan Yamtuan Besar biasanya diberi kuasa kepada Datuk Undang.

Akhir sekali dalam bab kelima sebagai kesimpulan, penulis akan menilai sejauhmana pentingnya peranan dan kedudukan Ketua Adat dalam masyarakat beradat Perpatih itu dan juga sejauhmana corak pemerintahannya dapat dikatakan demokrasi. Di samping itu dalam penilaian juga disentuh tentang beberapa aspek yang dikaitkan dengan hukum syara'.

1.3. Metod Kajian.

Di sini penulis membahagikan metod kajian kepada tiga iaitu melalui temuramah, pemerhatian dan pembacaan.

Dalam metod temuramah penulis bertemu bual dengan individu yang terlibat secara langsung dalam struktur Adat atau dengan kata lain penulis berhubung langsung dengan ketua-ketua Adat. Di samping itu juga temuramah dibuat dengan beberapa orang yang tahu selok belok

adat, walaupun ia bukan Ketua Adat. Temuramah yang dijalankan terdiri dari dua bentuk. Pertamanya penulis telah menyenaraikan soalan-soalan yang akan dikemukakan. Keduanya penulis berbual secara tidak formal dengan individu yang difikirkan dapat memberi maklumat tertentu.

Metod kedua ialah melalui pemerhatian. Oleh kerana penulis sendiri dibesarkan dan diasuh di kalangan masyarakat beradat Perpatih maka sebahagian besar dari pengalaman dan pengamatan penulis terhadap masyarakat tersebut juga menjadi bahan yang berguna di dalam penulisan ini.

Dari segi pembacaan pula penulis menggunakan kemudahan di-perpustakaan. Banyak terdapat penulisan dari orang yang terdahulu terutama para orientalis yang dapat dirujuk. Bahan rujukan itu ialah dalam bentuk buku, stensilan, journal dan latihan ilmiah.

1.4. Latar Belakang Tempat Kajian.

1.4.1 Daerah Kajian.

Daerah kajian ialah di Kuala Pilah dan Jelebu, Negeri Sembilan.

a) Kuala Pilah.

Kuala Pilah ialah sebahagian daripada daerah-daerah yang terdapat di Negeri Sembilan dan merupakan daerah yang terbesar selain dari daerah Jelebu, Tampin, Rembau, Port Dickson dan Seremban. Daerah ini terdiri dari 16 buah mukim iaitu Teraci, Langkap, Ulu Jempul, Serting Ulu, Serting Ilir, Kuala Jempul, Rompin, Jelai, Johol, Seri Menanti,

Pilah, Ampang Tinggi, Ulu Muar, Juaseh, Kepis dan Batu Kikir.

Pada 1.1.1980 satu daerah baru telah ditubuhkan, iaitu bernama daerah Jempul. Sebelum itu Jempul termasuk dalam daerah Kuala Pilah. Dalam pembentukan daerah Jempul itu, penguasa tempatan atau mukim Rompin, Batu Kikir dan Jelai yang dulu di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kuala Pilah telah terkeluar dari daerah Kuala Pilah. Oleh itu sekarang daerah Kuala Pilah mempunyai 13 mukim sahaja.

Petempatan terletak berbaris mengikut sungai, parit dan jalan raya. Sementara petempatan di kawasan penanaman padi dan getah adalah di tanah-tanah tinggi atau di tengah kawasan berkenaan. Petempatan bandar pula adalah di tengah kawasan atau sebagai nodal point.

Taburan penduduk tidak sama rata. Di Kawasan yang maju penduduknya adalah lebih tinggi dari kawasan yang kurang maju. Menurut sumber dari Pejabat Daerah Kuala Pilah, dari laporan bandi terakhir. Penduduk dalam daerah Kuala Pilah keseluruhannya ialah 67,310; iaitu 5,482 penduduk Melayu, 14,002 penduduk China, 2,692 orang penduduk India dan 134 orang lain-lain.

Dari segi sosio-ekonomi tidak terdapat guna tanah yang tertentu untuk pertanian intensif. Ini adalah disebabkan penduduk yang tidak padat. Kebanyakan penduduk hanya mengusahakan pertanian secukup hidup. Kawasan pertanian biasanya di lembah sungai dan di kiri kanan sepanjang sungai di sepanjang jalan raya terdapat tanaman getah.

b) Daerah Jelebu.

Daerah Jelebu adalah sebuah daerah yang terletak di timur laut Negeri Sembilan. Bagi maksud pentadbiran, daerah Jelebu dibahagikan kepada lapan buah mukim iaitu Kuala Klawang, Ulu Klawang, Ulu Triang, Kenaboi, Peradung, Pertang, Triang Ilir dan Glami Lemi.

Di daerah ini terdapat sebuah bandar iaitu Kuala Klawang dan lapan buah pekan kecil.

Jumlah penduduk menurut sumber dari Pejabat Daerah Jelebu, pada tahun 1977 ialah 34,257 orang. Dari segi komposisi kaum, kaum Melayu merupakan golongan yang terbesar iaitu 50.03% daripada jumlah penduduk, diikuti oleh kaum China (44.00%), India (4.04%) dan lain-lain bangsa (1.9%). Kaum Melayu mempunyai majoriti di mukim Ulu Klawang, Ulu Triang, Kenaboi, Peradung, Triang Ilir dan Kuala Klawang. Kaum China mempunyai majoriti di mukim yang terlibat dengan kawasan penempatan semula penduduk, iaitu di mukim Glami Lemi, Pertang, Ulu Triang dan Kuala Klawang. Manakala kaum India pula lebih ramai di mukim Kuala Klawang dan mukim Pertang dan Ulu Triang.

Dari segi penggunaan tanah, kalau dilihat ciri permukaan bumi di daerah Jelebu secara keseluruhannya adalah berbukit-bukit dan berlurah. Oleh sebab itu pembangunan tanah di kawasan ini adalah terhad dan tidak seimbang. Cuma di sebelah timur daerah ini merupakan tanah kawasan yang kurang berbukit dan keseluruhan pembangunan tanah di kawasan ini merupakan tanah-tanah estet dan kawasan Felda Pasoh 1 dan Pasoh

II. Pertanian yang dijalankan di sini adalah pertanian secukup hidup, iaitu tidak ada guna tanah untuk pertanian intensif, kecuali tanaman kelapa sawit di Felde Pasoh, iaitu secara pengurusan ladang.

1.4.2 Kawasan Kajian.

Kawasan kajian meliputi mukim Seri Menanti bagi daerah Kuala Pilah dan mukim Kuala Klawang di daerah Jelebu. Di Mukim Sri Menanti, kawasannya adalah meliputi kawasan yang termasuk dalam luak Ulu Miar (Kg. Bukit Tempurung, Kampung Umur, Kampung Galau, Kampung Merial dan Kampung Buyau) dan juga Luak Gunung Pasir (Kampung Gunung Pasir, Kampung Sikei, Kampung Jumbang, Kampung Mertang, Kampung Tanjung Sepan, Kampung Bukit Melintang, Kampung Pulau, Kampung Bukit dan Kampung Tanah Datar).

1.4.3 Latar Belakang Masyarakat.

Dari segi struktur masyarakat Adat Perpatih, secara ringkas penulis akan membicarakan lima perkara dasar dalam amalan masyarakat ini:

1. Keturunan adalah dikira melalui nisab ibu.

Ditinjau dari segi ilmu kebudayaan (social Anthropology), konsep am Adat Perpatih berkenaan dengan susunan masyarakat, Adat Perpatih bersendikan kepada sistem unilateral-matrilineal, iaitu setiap orang baik lelaki maupun perempuan mengira garis keturunan hanya melalui orang perempuan sahaja. Dalam hal ini keturunan dikira dari ibu keibu sehingga semua penghubung dalam garis keturunan adalah

semata-mata perempuan. Jelasnya sistem Adat Perpatih mengutamakan keturunan kepada nisab sebelah ibu.

2. Masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih itu terbahagi kepada suku-suku dan perut; tiap perut (dan kadang-kadang suku) adalah kumpulan yang exogamous.

Secara ideal terdapat 12 suku dalam Adat Perpatih, iaitu:

1. Biduanda
2. Batu Hampar
3. Paya Kumbuh
4. Mungkal
5. Tiga Batu
6. Tiga Nenek
7. Tanah Datar
8. Seri Melenggang
9. Seri Lemak Minangkabau
10. Seri Lemak Pahang
11. Batu Belang
12. Anak Acheh.

Di daerah kajian ini tidak ada suku Anak Melaka. Di antara kedua belas suku itu, suku Biduanda merupakan satu suku yang mempunyai kedudukan yang istimewa, kerana menurut anggapan masyarakat Adat Perpatih suku Biduanda adalah suku Peribumi yang anggotanya dikatakan adalah orang asal di Negeri Sembilan.

Pada kenyataannya semua anggota satu-satu suku tidak mempunyai hubungan kekerabatan sebenar tetapi, hanya secara 'putative' atau jangkakan sahaja. Tradisi dan kepercayaan menyatakan bahawa mereka adalah seperti adik beradik yang mempunyai hubungan darah.³ Pengambilan anggota baru dalam suku melalui upacara berkedin, iaitu mengambil anak angkat sama ada dijadikan sebagai seperti anak kandung atau hanya berakuen saudara sahaja.

3. Pengwarisan harta pusaka melalui perempuan.

Konsep am Adat Perpatih mengenai pengwarisan harta, sistemnya adalah sistem kewarisan kolektif, iaitu setiap ahli waris tidak mempunyai hakmilik atas harta peringgalan atau harta pusaka tetapi hanya mempunyai hak pakai.⁴ Harta pusaka ini adalah milik suku dan lazimnya sawah, tanah kampung dan rumah terletak di atas tanah pusaka ini. Harta ini dikenal harta pusaka benar dan ianya diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Ini berbeza dengan harta lain seperti harta dapatan, harta carian dan harta bawaan.

4. Perkahwinan berbentuk exogami.

Sistem Adat Perpatih yang berteraskan kepada suku, dalam hubungan perkahwinan, seseorang itu tidak boleh berkahwin dalam suku

³ Zainal Kling, (ed), Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1977, hal. 54.

⁴ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975, hal. 116.

yang sama, misalnya ego dari suku Tanah Datar haruslah berkahwin dengan gadis dari suku lain, iaitu Tiga Nenek misalnya; ia tidak boleh berkahwin dengan gadis dari suku Tanah Datar. Berkait dengan larangan kahwin sesama ini maka perkahwinan tidak hanya merupakan pertalian perseorangan, tetapi juga pertalian kekeluargaan dan kesukuan.

Tempat kediaman selepas berkahwin ialah di kawasan ibu isteri. Namun begitu ketetapan ini bukanlah secara mutlak kerana ada juga kekecualiannya, iaitu mengikut persetujuan kedua suami isteri. Di mana sekarang terutamanya ramai anak-anak muda dari daerah ini yang keluar kedaerah lain untuk mencari rezki atau bekerja. Mereka balik ke kampung hanya apabila ada kenduri kendara dan sebagainya.

5. Ada pertalian istimewa antara anak buah kedim dengan buapak kedim.

Kedim makna umumnya ialah saudara. Buapak kedim ialah bapa saudara, iaitu abang kepada ibu. Adik kepada ibu tidak dikira sebagai buapak kedim. Buapak kedim ialah ketua bagi satu-satu jurai dalam masyarakat Adat Perpatih. Bilangannya tidak tentu dan tidak dilantik seperti Buapak, kerana secara otomatis bapa saudara (Hanya orang lelaki) layak memegang jawatan ini. Buapak kedim adalah anggota yang paling berkuasa dalam perut. Dari itu buapak kedim mempunyai hubungan yang istimewa dengan anak buah kedim. Buapak kedim boleh memberi kata putus dalam sesuatu hal - putih katanya putih, hitam katanya hitam. Krisis-krisis dalam keluarga diselesaikan oleh buapak kedim.

2.4.4 Sistem Politik Tradisional.

Sistem politik tradisional dalam masyarakat Adat Perpatih di-Negeri Sembilan ini perlu dijelaskan kerana ini berkait rapat dengan tajuk pembicaraan ini iaitu menyentuh tentang Ketua Adat atau golongan pemimpin dalam sistem politik tradisional itu sendiri. Siapa dia yang dikatakan Ketua Adat dan bagaimana lingkungan kekuasaannya akan diterangkan di sini.

Negeri Sembilan, dari segi sistem politik tradisional adalah terdiri dari persatuan sembilan buah negeri-negeri. Menurut Abdul Samad Idris,⁵ ketika beliau melawat Minangkabau dalam bulan Januari 1966, luas kawasan yang dipanggil negeri itu adalah kira-kira luas kawasan makim atau luak seperti di Negeri Sembilan ini. Oleh itu tidak hairanlah kawasan yang bersempit menjadikan Negeri Sembilan itu kecil-kecil belaka.

Gabungan sembilan buah negeri yang dikenali Negeri Sembilan hingga sekarang, telah diterima dan dikamirkan dalam perlembagaan negeri dalam 1895.⁶ Anggota gabungan negeri-negeri itu ialah:

1. Sungai Ujung
2. Jelapu

⁵ Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melaya Berhad, 1968, hal. 7.

⁶ Ibid. hal. 17.

3. Johol dan Inas
4. Rembau
5. Tampin
6. Ulu Muar
7. Jempul
8. Teraci
9. Gunung Pasir.

Walaupun negeri-negeri yang sembilan jumlahnya itu telah muafakat dan bersepakat untuk menciptakan sebuah kerajaan Negeri Sembilan, tetapi setiap negeri tetap mengekalkan otonominya, iaitu setiap negeri sanggup patuh dan setia kepada kerajaan pusat yang diwujudkan itu, tetapi ia tidak diberi hak mentadbirkan negeri-negeri yang berfederasi dengannya secara langsung.

Kerajaan pusat terletak di bawah pentadbiran Yang DiPertuan Besar. Baginda hanya mempunyai satu fungsi utama, iaitu memelihara perpaduan Negeri Sembilan; 'lambang keadilan'. Seri Menanti adalah dihakkan kepada Yang DiPertuan Besar.

Di Bawah Yang DiPertuan Besar ialah Penghulu negeri atau lebih dikenali dengan Penghulu luak. Penghulu luak diangkat daripada anggota suku yang khas memerintah dalam luak. Luak ialah kesatuan wilayah yang terdiri dari beberapa negeri yang penduduknya terdiri daripada berbagai suku.⁷

⁷ Abdullah Siddik, op.cit, hal. 123.

Di antara Penghulu luak itu, dari segi kuasanya tidaklah sama, kerana empat daripadanya, iaitu yang mengetuai luak Jelabu, Johol, Rembau dan Sungai Ujung diberi kuasa untuk memilih dan malantik Yang DiPertuan Besar. Keempat Penghulu luak ini digelar 'Undang', dengan gelaran masing-masing - luak Sungai Ujung; Datuk Kelana Putera, Rembau dengan gelaran Datuk Lela Maharaja atau Sodia Raja, Jelabu; Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman dan Johol; Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan.

Penghulu luak-luak Ulu Muar, Jempal, Teraci dan Gunung Pasir adalah berkuasa di luak masing-masing yang dikenali 'Luak Tanah Mengandung' luak lain yang termasuk dalam 'Luak Tanah Mengandung ialah Air Kuning Gemencih dan Inas. Sementara Tanjin diletakkan di bawah pemerintahan seorang Tengku Besar. Perlantikan atau pengangkatan Undang atau Penghulu luak adalah dibuat atas persetujuan Buapak dan Lembaga dalam sukunya sendiri.

Dalam struktur pemimpin Adat, Lembaga kuasanya adalah bawah daripada Penghulu. Lembaga ialah ketua kepada sesuatu suku. Suku bukanlah mengandungi anggota yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas, tetapi nyata sebagai satu pengelompokan anggota masyarakat yang telah ada sejak masa tradisional. Faktor utama ialah hubungan kekeluargaan antara perut-perut yang ada dalam suku.⁸

⁸ Khoo Kay Kim, "Sistem Politik Negeri Sembilan", dalam Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10 - 12hb. April, 1974.

Perlantikan berdasarkan konsep kebulatan. Konsep kebulatan ini berbeza-beza. Di Sungai Ujung, Rembau dan Jelebu, kebulatan bermakna semua Buapak bersetuju dengan seseorang calon. Tetapi di Gunung Pasir, Teraci, Inas, Jempul dan Ulu Muar suara terbanyak sudah cukup untuk dikatakan kebulatan. Perlantikan Lembaga mestilah disahkan oleh Undang atau Penghulu.

Di bawah Lembaga terdapat pula Buapak. Buapak ialah ketua kepada 'perut'. Perut adalah satu lagi kelompok sosial yang terdiri dari beberapa keluarga yang dikatakan berasal dari nenek moyang yang sama. Biasanya dapat dipaparkan dengan jelas dan nyata dalam satu salasilah yang biasanya mempunyai beberapa peringkat jenerasi.

Keluarga adalah unit terkecil dalam struktur masyarakat Adat Perpatih. Buapak kedim mengetuai satu-satu jurai dalam masyarakat itu. Buapak kedim ini tidak tentu bilangannya dan tidak pula dilantik seperti Buapak, keranassecara otomatis bapa saudara, iaitu 'mother's brother' bagi sesuatu keluarga (hanya lelaki) layak memegang jawatan ini.


Secara keseluruhannya dari segi perlantikan pemimpin atau Ketua Adat dapat digambarkan dalam kata perbilangan ini:

Bulat anak buah menjadi Buapak
 Bulat Buapak menjadi Lembaga
 Bulat Lembaga menjadi Penghulu
 Bulat Penghulu menjadi Raja.

Sementara dari segi kekuasaannya, dapat digambarkan secara kebalikan dari yang di atas iaitu:

Raja memerintah alam
 Undang memerintah luak
 Lembaga memerintah suku
 Buapak memerintah anak buah.

Hal ini dapat digambarkan seperti dalam gambar rajah di bawah.



RAJAH : 1

1.5. Konsep Peranan Dan Kedudukan.

Konsep peranan dan kedudukan telah banyak dibicarakan oleh pengkaji-pengkaji masyarakat kerana konsep ini rapat sekali hubungannya dalam pengkajian kemasyarakatan.

Dalam A Modern Dictionary of Sociology peranan diertikan sebagai:

A pattern of behavior, structured around specific rights and duties and associated with a particular STATUS position within a group or social situation.⁹

Iaitu sebagai cara berkelakuan, tersusun melalui hak-hak dan tugas-tugas tertentu dan dihubungkan dengan kedudukan status tertentu dalam kumpulan atau keadaan masyarakat. Dengan kata lain mengikut Ralph Linton tiap satu kedudukan atau taraf itu ada peranan yang mesti dijalankan oleh individu yang memenuhi taraf atau kedudukan itu;

A role represents the dynamic aspect of status. ... When he puts the rights and duties which constitute the status into effect, he is performing a role. Role and status are quite inseparable, and the distinction between them is of only academic interest.¹⁰

Dari petikan di atas juga Linton menyatakan bahawa peranan dan kedudukan atau taraf itu tidak dapat dipisahkan. Taraf tidak boleh wujud tanpa peranan dan peranan tidak wujud tanpa taraf atau kedudukan. Perbezaan antara keduanya hanya dari segi akademik.

Mengikut Ralph Linton di dalam kehidupan bermasyarakat sehari-hari terdapat pola perhubungan bertimbal balik antara individu dengan individu lain dalam masyarakat itu atau perhubungan bertimbal

⁹ George A. Theodorson and Achilles G. Theodorson, A Modern Dictionary of Sociology, New York: Thomas Y. Crowell Company, 1934. dbk:role¹.

¹⁰ Ralph Linton, The Study of Man, London: Peter Ower, 1936, hal. 114.

balik antara kumpulan dengan kumpulan. Dalam tiap-tiap satu pola perhubungan bertimbal balik ini kedua-kedua pihak yang berhubung ada kedudukan masing-masing yang dipanggil oleh Linton sebagai taraf (status);

...the functioning of societies depends upon the presence of pattern for reciprocal behavior between individuals or groups of individuals. The polar positions in such pattern of reciprocal behavior are technically known as status.¹¹

Terdapat dua jenis status iaitu status 'yang asal' (ascribed) dan status 'yang dicapai' (achieved). 'Ascribed status' (status asal) adalah diperolehi oleh individu itu secara langsung dalam kehidupannya, mungkin berdasarkan umur atau seks, misalnya sebagai wanita, belia, anak, anak cucu, warganegara dan sebagainya. Sementara 'achieved status' (Status pencapaian) pula, ianya perlu kepada kualiti yang istimewa atau kebolehan yang boleh mendapat kepercayaan ahli kumpulannya.

Dari itu setiap individu itu sudah pasti mempunyai banyak status. Ini ditambah pula dengan setiap individu itu mengambil bahagian dalam berbagai pola perhubungan bertimbal balik di dalam masyarakatnya. Misalnya seorang lelaki yang telah dewasa dan berumah tangga adalah suami kepada isterinya. Ia juga adalah ayah kepada anak-anaknya, menantu kepada ibu mertuanya atau abang kepada

¹¹ Ibid, hal. 113.

adik-adiknya. Dalam hubungan yang lain pula, ia mungkin sebagai setiansaha dalam persatuan, penghulu di kawasannya, Buapak bagi perutnya atau imam mesjid di kampungnya.

Ralph Linton dalam bukunya yang lain: The Cultural Background of Personality yang diterbitkan dalam tahun 1945 melanjutkan lagi penguraiannya tentang konsep peranan ini. Menurutnya lagi peranan itu adalah satu pelakuan yang ideal. Perlakuan yang ideal ini jarang sekali serupa dengan yang benar-benar dilakukan oleh seseorang yang memenuhi satu-satu taraf itu. Menurut Michael Banton¹², pendapatnya yang ini banyak diterima oleh penulis-penulis yang membicarakan tentang hal ini.

T.H. Newcomb adalah salah seorang yang penting dalam membicarakan hal tersebut. Beliau tidak menggunakan 'status' seperti yang digunakan oleh Linton yang bererti taraf, tetapi ia menggunakan istilah 'Position' atau kedudukan. Menurutnya tiap kedudukan mempunyai fungsi dalam kehidupan sesuatu kumpulan dan mengandungi undang-undang atau rukun yang menentukan cara perhubungan di antara ahli-ahli masyarakat itu. Peranan mengikut beliau adalah pelakuan yang diharapkan dari seseorang yang memenuhi sesuatu kedudukan. Apa yang benar-benar dilakukan oleh seseorang itu dipanggil sebagai 'role

¹² Michael Banton, Roles An Introduction To The Study of Social Relations, London: Tavistock Publications, 1965, hal. 26.

behaviour'. Jadi antara peranan (role) dengan 'role behaviour' tidaklah sama iaitu seseorang yang memenuhi kedudukan itu jarang memainkan peranan seperti mana yang dikehendaki atau peranan yang sepatutnya.

Talcott Parsons,¹³ membahagikan kedudukan kepada dua bahagian, iaitu peranan dan taraf. Peranan katanya menyatakan tentang tanggung jawab sementara taraf pula menyatakan tentang hak-hak masyarakat.

Sebagai kesimpulan dari beberapa pendapat yang dikemukakan ini, kedua konsep peranan dan kedudukan ini timbul kerana adanya pola-pola pelakuan dalam perhubungan kemasyarakatan yang bertimbal balik di antara individu dengan individu dan antara kumpulan dengan kumpulan dalam satu-satu masyarakat. Kedua pihak yang berhubung itu ada kedudukan masing-masing. Kedudukan itu pula biasanya adalah berbagai-bagai. Tiap satu kedudukan yang dipenuhinya ada peranan-peranan yang mesti dijalankannya. Peranan yang dianggap oleh masyarakat seharusnya dijalankan oleh seseorang itu dikatakan peranan yang ideal dan yang sebenarnya dijalankan oleh seseorang yang mengisi satu-satu kedudukan adalah peranan yang sebenar.

¹³ Ibid, hal. 27.

1.6. Masalah Kajian.

Semasa menyelenggarakan kajian ini, penulis tidak dapat mengelakan diri dari masalah. Ada beberapa masalah yang penulis temui.

Pertamanya ialah dalam usaha untuk mendapatkan informan. Ini kerana kebanyakan orang yang tahu tentang perjalanan adat ini, hanya terdiri dari orang tua-tua sahaja. Namun begitu tidak pula setiap orang tua itu tahu tentang perjalanan adat, terutama sekali di kalangan wanita. Di kalangan lelaki pula, hanya orang yang berminat dari segi adat serta mereka yang sering terlibat sahaja yang tahu. Golongan ini biasanya terdiri dari Ketua Adat sendiri. Dari itu penulis telah menemui beberapa orang Ketua Adat yang semestinya tahu selok-belok Adat Perpatih. Namun begitu mereka ini juga tidak dapat memberi penerangan yang lengkap. Dengan itu penulis terpaksa membuat penyusunan semula dari keterangan yang mereka berikan. Penulis juga mendapat bahan dari perbualan yang tidak resmi dengan beberapa orang-orang tua dan juga dari pengalaman penulis sendiri.

Masalah kedua yang ditemui ialah untuk berjumpa dengan para informan. Sering kali penulis pergi ke rumah informan, didapati informan itu tidak ada di rumah. Ini kerana mereka ini mempunyai kerja yang memerlukan keluar mencari rezeki iaitu antaranya sebagai pemandu teksi, ahli peniagaan dan kerja berkebun. Untuk bertemu, penulis terpaksa membuat 'appointment' terlebih dahulu.

Berhubung dengan masalah di atas juga, penulis tidak mempunyai masa yang cukup untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap. Ini kerana seorang dari informan itu tidak tinggal tetap di kampung itu tetapi hanya balik ke kampung itu satu atau dua hari seminggu yang biasanya pada hari Ahad dan Sabtu. Jadi agak singkat masa yang dapat digunakan untuk bertembual dalam keadaan yang demikian.

Untuk mendapatkan informan yang dapat memberi keterangan tentang Undang di Jelebu, penulis tidak menemui masalah. Tetapi yang menjadi masalah ialah jarak tempat tinggal mereka itu adalah jauh dari tempat tinggal penulis, (yang tinggal di Kuala Pilah).

Walaupun bagaimanapun penulis berasa bersyukur kerana dengan petunjuk dan hidayah Allah s.w.t segala masalah itu dapat diatasi dan kajian ini dapat disediakan dalam masa yang ditetapkan.

LAMPIRAN 1Senarai Nama Informan.

1) Nama : Ahmad Bin Taib

Alamat : Kampung Galau,
Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Pemandu Teksi.

Jawatan : Buapak bagi suku Sri Lemak Pahang, Perut Kampung
Merual/Tanjung Galau.

Gelaran : Datuk Maharaja Kanda.

2) Nama : Hj. Abdul Rauf Bin Naha

Alamat : Kampung Sungai Layang,
Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Kerja Kampung.

Jawatan : Lembaga bagi suku Batu Hampar
Orang Empat Istana, di Istana Besar Sri Menanti.

Gelaran : Datuk Sri Amar Diraja.

3) Nama : Abdul Ghani Bin Shamarudin

Alamat : Bahagian Buku Pelajaran,
Cawangan Sains, Tingkat 5,
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Jawatan : Lembaga Tiang Balai.

Gelaran : Datuk Ombi Pangkal Maharaja Lela.

4) Nama : Hj. Mohamad Nor Bin A. Hamid

Alamat : Pejabat Tanah,

Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Penolong Pemungut Hasil Tanah.

5) Nama : Mohd. Nor Bin Pilus

Alamat : Kampung Sekolah Gunung Pasir,

Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Kerja Kampung.

Jawatan : Buapak bagi suku Sri Lemak Minangkabau,

Perut Kampung Mertang.

Gelaran : Datuk Setia Muda.

6) Nama : Osman Bin Baginda

Alamat : Balai Undang Jelebu.

Kuala Klawang, Jelebu,

Negeri Sembilan.

Jawatan : Lembaga Tiang Balai.

Gelaran : Datuk Niko Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari.

LAMPIRAN II

Laporan Perkahwinan Sedaris Suka Seri Lemak Minangkabau,
Kampung Mertang Antara Zainal Abidin Bin Hj. Latiff (lelaki)
Dengan Saimih Bto Hj. Abdullah (Perempuan) Pada Hari Ahad
5hb. Jun, 1977.

Pada hari Khamis jam 9.30 malam tiga orang Waris Pusaka dan seorang Orang Semenda iaitu: Indan bto Kassim, Bedah, Awi dan Md. Rus bin Nasir telah datang menemui Buapak Suka Seri Lemak Minangkabau, Mertang Datok Setia Mada Md. Nor; di rumahnya di Kampung Sekolah Gunung Pasir.

Mereka telah memberitahu bahawa satu 'Majlis Pertunangan' sewaris telah berlaku di rumah Ustaz Shamsuri bin Hj. Yusuh pada hari Ahad bersamaan 15hb. Mei 1977 kira-kira pukul 3.00 petang (pertunangan orang yang berkenaan di atas).

Mereka-mereka yang telah menghantar cincin pertunangan tersebut ialah:

1. Hajjah Nekmat (ibu si lelaki)
 2. Khalifah
 3. Zainal Abidin (yang berkenaan)
- serta 2 orang perempuan (orang Kelantan) lain.

Penerimaan Cincin:

1. Shamsuri & Salimah (tuan rumah)
2. Haji Abdullah & Hj. Enap (ibu-bapa si perempuan)

3. Saadiah & suaminya Aris Hj. Ismail.
4. Hajjah Halimah
5. Isa - empat semenda si perempuan yang paling
Kedin sekali. Isalah yang menerima cincin tersebut
bagi pihak perempuan.

Apabila mendengar berita tergegar Buapak Datok Setia Muda Md. Nor telah meminta Waris-Waris Pusaka, tempat semenda dan Orang Semenda perut yang berkenaan berkumpul untuk 'Mencari Adat' di rumah Indat bte Kassim pada hari Sabtu 21hb. Mei, 1977.

Perjumpaan 'Mencari Adat' tersebut telah diadakan pada tarikh dan hari tersebut dengan dihadiri oleh Waris-Waris pusaka, Orang Semenda dan tempat semenda antaranya:

1. Datok Setia Muda Md. Nor bin Pilus (Buapak)
2. Datok Setia Raja Pahlawan Maulud (Buapak Sula Seri Lemak Minangkabau, Kampung Juar).

Lain-lain (Encik-encik & Cik):-

- | | |
|------------------|------------------------------|
| 3. Hj. Harun | 9. Ahmad Bidin |
| 4. Razak Shafie | 10. Md. Rus |
| 5. Md. Din Idris | 11. Ruslan Yahaya |
| 6. Ahmad Saad | 12. Yahya Jarid (tuan rumah) |
| 7. Hais | 13. Bayung |
| 8. Solich Idris | 14. Yunus |

- | | |
|--------------------|-------------------------------|
| 15. Muhamad Shafie | 26. Khadijah |
| 16. Awi | 27. Zaibdah |
| 17. Khalifah | 28. Indun Kassim (tuan rumah) |
| 18. Noriah Saat | 29. Ainiyah |
| 19. Kamsiah Saat | 30. Runah Yahaya |
| 20. Hafsa | 31. Rohani Yahaya |
| 21. Pisah Samak | 32. Salamah |
| 22. Jiibah | 33. Safiah Maasin |
| 23. Zainab | 34. Zaleha |
| 24. Terinah | |
| 25. Aminah | |

Perkara yang dibincangkan antara lain:

Buapak mahu kepastian sama ada penghantar cincin tersebut benar-benar berlaku. Wan Khalifah telah menerangkan satu persatu bahawa penghantaran cincin tersebut benar-benar berlaku. Katanya lagi orang yang menerima cincin tersebut ialah Isa bagi pihak si perempuan.

Akhirnya Buapak telah meminta semua yang hadir sedapat-dapatnya hendaklah memberi nasihat kepada dua belah pihak yang berkenaan supaya meneruskan pekerjaan tersebut kerana katanya salah dari segi adat. Katanya lagi tak pernah berlaku perkara begini dalam Suku Seri Lemak Minangkabau, Mertang.

Buapak telah meminta satu perjumpaan adat lagi diadakan pada hari Sabtu 28hb. Mei 1977 di rumah Induk Awi, Ulu Mertang Jam 3.30 petang. Beliau telah melantik Encik Salleh Idris, Induk Pisah, dan Encik Md. Din Idris sebagai 'Monti' untuk mengumpulkan semua Waris pusaka, orang seadat dan seresan bagi perut yang berkenaan. Majlis bersurai jam 12.00 malam.

Perjumpaan Adat Kali Ke-2 di rumah Induk Awi pada hari Sabtu 28hb. Mei 1977.

Kehadiran (Encik-encik & Cik-cik):-

1. Datok Setia Muda Md. Nor bin Pilu (Buapak)
2. Shamsuri Hj. Yusoh.
3. Mohd. Salleh Saat.
4. Md. Din Idris.
5. Salleh Idris.
6. Ahmad Yahaya.
7. Hassan Takin.
8. Ahmad Shafie.
9. Abd. Razak Shafie.
10. Hj. Abdullah.
11. Md. Yus Masir.
12. Sulaiman Ibrahim.
13. Shahid Hj. Abdullah.
14. Aris Hj. Ismail.

- | | |
|-----------------------|--------------------------|
| 15. Ismail Jadi | 31. Safiah Maasin |
| 16. Hj. Harun Samak | 32. Zaleha Hj. Shafie |
| 17. Md. Zin Lebar. | 33. Jaharah Saat |
| 18. Kadir Hamzah | 34. Selamah Idris |
| 19. Yahya Janid | 35. Sehih Bakar |
| 20. Lebar Alin | 36. Asiah Hassan |
| 21. Hj. Salleh | 37. Hafsh Bih |
| 22. Hamun Samak. | 38. Jaibah Kuna |
| 23. Bedah Ush | 39. Zuyah Malik |
| 24. Indun Kassim | 40. Mariam Rintah |
| 25. Saami Kijing | 41. Asa Pilih |
| 26. Napiah Abdullah | 42. Saadiyah Ibrahim |
| 27. Md. Zain Lebar | 43. Saamah Duyung |
| 28. Khalifah Md. Zain | 44. Kertiah Saat |
| 29. Pisch Samak | 45. Selamah Hj. Abdullah |
| 30. Zainab Hj. Piliu | |

Buapak telah meminta Hj. Abdullah (bapa Si perempuan non-berlaku) menceritakan corita sebenar betul atau tidak majlis pertunangan itu telah berlaku. Hj. Abdullah telah menceritakan dari awal hinggalah akhirnya dan mengakui segala-galanya telah berlaku.

Buapak merasa keciwa kerana orang-orang yang berkenaan bagi pihak lelaki tidak ada seorang pun yang datang sungguh pun sudah dua kali dijemput (Mereka tinggal di Langgang).

*Buapak mengatakan bahawa dia merasa amat terbaru di atas kejadian tersebut, kerana katanya pertunangan tersebut adalah 'pertunangan Sewa ris' tambahan pula pihak lelaki dengan perempuan berasal dari 'Satu Perut'

*Buapak menasihatkan perbuatan tersebut janganlah diteruskan kerana telah menyalahi adat. Jika dilakukan juga maka tindakan adat akan dikenakan kepada kedua-dua belah pihak yang berkenaan. Juga beliau mengingatkan semua anak buahnya jadikan contoh tauladan dan jadikan sempadan apa yang telah berlaku.

Majlis adat telah bersurai pada pukul 6.00 petang.

Melalui beberapa orang Waris pusaka Buapak telah mendapat tahu bahawa satu 'Majlis Pernikahan' telah dilangsungkan antara orang yang berkenaan iaitu Zainal Abidin bin Hj. Latif dengan Salamiah bte Hj. Abdullah iaitu pada hari Ahad 15hb. Jun, 1977 lalu. Jadi Buapak telah menyuruh semua anak buahnya di Mertang dan Orang Semenda berkumpul di rumah Induk Embun bin Samak pada hari Ahad bersamaan 19hb. Jun akan datang. Di samping mengumpulkan anak buahnya Buapak juga telah menjemput sama Lembaga Suku Seri Lemak Minangkabau iaitu Datok Seri Nara Di Raja dan Datok Penghulu Luak Muar.

Sekian.

SENARAI RUJUKAN(a) Buku-Buku:

- Abdul Samad Bin Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Malaya Berhad, 1968.
- Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975.
- Al-Quran dan Terjemahan, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977.
- Abdul Rahman Haji Mohamed, Dasar-dasar Adat Perpatih, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- Banton, Michael., Role an Introduction To The Study of Social Relation, London: Tavistock Publication, 1965.
- Caldecott, A., 'Jelebu, Its History And Constitution', Papers On Malay Subjects (2nd series), No. 1, FMS Civil Service, Kuala Lumpur, 1912.
- Gould and Kolb (ed), A Dictionary of Social Sciences, London: Tavistock Publication, 1964.
- Linton, Ralph., The Study of Man, London: Peter Over, 1936.
- Nordin Bin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur: Utusan Malaya Berhad, 1976.
- Nasreen, M., Dasar Falsafat Adat Minangkabau, Djakarta: C.V. Pasanen, 1957.
- Theodorsen, G.A., and Theodorsen A.G., Modern Dictionary of Sociology, New York: Thomas Y. Crowell Company, 1834.
- Wilkinson, R.J., Papers On Malay Subject, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- Winstedt, R., The Malays A Cultural History, London: Routledge & Keagen Poul lte. 1961.
- Zainal Kling (ed), Masyarakat Malaya Antara Tradisi dan Perubahan, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor, 1977.

(b) Journal/Majalah:

Parr, C.W.C., & Mackray, W.H., 'Rembau, One of The Nine States, Its History, Constitution and Customs', JSEBRAS, Vol. 56, Part I, 1910.

Taylor, W.N., 'The Customary Law of Rembau', JMBRAS, Vol. VII 1929.

Ahmad Ibrahim, 'Islam Customary Law/Malaysia', Intisari, Vol. 11, No. 2, Singapura.

Lokman Bin Yusof, 'As Seen in Land Inheritance', Intisari, Vol. 1, No. 4, Singapura.

Jamaludin Bin Abdullah, 'Adat Menyerah', Mastika, Januari, 1958.

Zainal Abidin Bin Bakar, 'Kontroversi Di sekitar Perlantikan Undang Jelebu', Dewan Budaya, Jilid. 11, Bil. 5, Mei, 1980.

(c) Latihan Ilmiah:

Faraded Mohd. Dom, 'Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih, Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 78/79.

(d) Kertas Kerja:

Abdul Semad Bin Idris, 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

Azizah Et. Kasin, 'Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

Khoo Kay Kim, 'Sistem Politik Negeri Sembilan', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

Nordin Selat, 'Pemimpin Dalam Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

Shamsul Amri Bin Baharudin, 'Politik Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.